NO. SOALAN: 321

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN NO. 321

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan akan meluluskan peruntukan untuk SRJK (C) Pei Min, Segari, Perak bagi membina semula pagar, gelanggang bola keranjang dan pondok rehat sekolah yang akan dirobohkan oleh Jabatan Kerja Raya untuk kerja-kerja melebarkan jalan raya tanpa pampasan kerana dikatakan dibina di atas tanah Kerajaan di luar tapak sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa SJKC Pei Min yang terletak dalam pekan Lumut, Perak adalah merupakan sebuah sekolah yang berstatus sekolah bantuan kerajaan (SBK). Mengikut dasar, sekolah bantuan kerajaan merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak lain yang menjadi pemilik kepada tapak/bangunan sekolah dan hanya menerima sumbangan bantuan modal dan sumbangan bantuan penuh daripada kerajaan yang merangkumi gaji guru dan kakitangan sekolah.

Sehubungan dengan itu, kos pembinaan semula pagar, gelanggang bola keranjang dan pondok rehat yang hendak dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah di bawah tanggungjawab pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Untuk makluman, di bawah Tabung Penyelenggaraan, pada tahun 2018 KPM telah memperuntukkan sebanyak RM20,000.00 kepada sekolah tersebut. Bagi membolehkan sekolah tersebut menerima pembiayaan dan penyelenggarah sepenuhnya daripada kerajaan sebagaimana yang diterima oleh sekolah kerajaan (SK), KPM mengalu-alukan pertukaran status sekolah tersebut daripada SBK kepada SK.